

**KATA-KATA ALUAN**

Y.BHG. DATU TN. HJ. MOHIDIN BIN ISHAK
Pengurus Besar
Lembaga Kemajuan Bintulu

Hasrat Lembaga Kemajuan Bintulu untuk memiliki pelan induk bagi memudahkan perancangan pembangunan landskap yang bersesuaian dengan taraf dan peranannya sebagai bakal sebuah Bandaraya Industri tercapai juga akhirnya dengan penghasilan Pelan Induk Landskap ini. Program penghasilan kajian dan penghasilan Pelan Induk Landskap yang dijalankan oleh Jabatan Landskap Negara, Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan untuk Lembaga Kemajuan Bintulu ini telah dilaksanakan dengan jayanya hasil kerjasama pelbagai pihak yang berkepentingan selaras dengan tujuannya untuk merealisasikan wawasan menjadikan Malaysia sebagai Negara Taman menjelang tahun 2020.

Penyediaan Pelan Induk Landskap Lembaga Kemajuan Bintulu ini akan menjadi satu dokumen rujukan penting bagi membantu pihak majlis dan lain-lain pihak berkepentingan untuk merancang, mengurus, melaksana dan menyelenggara pembangunan landskap. Ia pastinya akan dapat membantu pihak Lembaga dan lain-lain pihak yang berminat dalam pembangunan landskap agar berada di landasan yang betul dan seterusnya menjadi panduan kepada pelbagai pihak agensi pelaksana yang lain dalam merealisasikan hasrat ke arah menjadikan Bandaraya Bintulu sebagai sebuah Bandaraya Perindustrian Mesra yang seterusnya menjadi Bandaraya Pilihan untuk bekerja dan menetap.

Akhir sekali pihak Lembaga Kemajuan Bintulu merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam menyediakan Pelan Induk Landskap ini khususnya kepada Jabatan Landskap Negara yang telah menyediakan peruntukan dan kepakaran. Dengan adanya panduan ini, mudah-mudahan pihak-pihak yang terlibat dengan isu-isu pembangunan akan dapat memfokuskan kepada aspek landskap dalam memastikan setiap perancangan pembangunan landskap dapat dipatuhi bagi mewujudkan persekitaran landskap yang lebih bermakna, berfungsi dan mempunyai nilai estetika yang tinggi demi keselesaan dan keharmonian penduduk dan pelawat yang datang ke Bandaraya Bintulu .

Sekian, terima kasih.

Y.BHG. DATU HAJI MOHIDIN BIN HAJI ISHAK